

SALUTASI MAJLIS

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..

Yang Berhormat Dato' Hj. Mohamad Yusof bin Apdal
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Dato' Mohd Sharil bin Abdullah
Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat

Yang Berbahagia Datuk Seri Hasim bin Hasan
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berhormat Puan Tuminah binti Kadi @ Mohd Hashim
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Pantai Kundur

Yang Berhormat Tuan Muszaide bin Makmor
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sedili

Naib Canselor-Naib Canselor MTUN

Timbalan-Timbalan Naib Canselor MTUN

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, dan

Warga UTeM yang dikasihi sekalian

**TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS PELANCARAN DUTA TVET UTeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

**26 Januari 2023, 10.00 Pagi,
Dewan Canselor UTeM**

SALUTASI

-seperti di lampiran

1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita semua bertemu dalam Dewan Canselor UTeM pada hari ini sempena Majlis Pelancaran Duta TVET UTeM.
2. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia kerana sudi berkunjung ke UTeM untuk melancarkan secara rasmi Duta TVET UTeM. Kami sedar, jadual Yang

Berhormat Dato' amat padat tetapi Yang Berhormat Dato' masih sudi juga meluangkan masa untuk bersama kita pada hari ini.

**Bunga Kesidang cantik berseri,
Penghias sanggul di siang hari ;
Terima kasih Dato' bertandang ke mari,
Semoga majlis bertambah seri.**

اونيور سيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berhormat Dato' serta Hadiran dan Hadirat sekalian,

3. Duta TVET UTeM merupakan satu program yang di inspirasi untuk mengilmukan masyarakat melalui aktiviti pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) dalam mengaplikasikan TVET kepada komuniti setempat secara tidak langsung menjalankan tanggungjawab *Corporate Social Responsibility* (CSR) bersama dengan masyarakat.
4. Duta TVET UTeM dilaksanakan oleh kalangan staf dan pelajar secara individu mahupun berkumpulan dan melibatkan pelbagai fakulti dan pusat tanggungjawab. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', UTeM mempunyai 8 buah fakulti di mana 4

darinya adalah fakulti kejuruteraan. Melalui pelaksanaan program ini, Duta TVET UTeM akan melaksanakan projek bersama komuniti di mana projek tersebut mempunyai elemen pemindahan teknologi (*knowledge transfer*).

5. Antara objektif bagi pelaksanaan Duta TVET UTeM ini adalah untuk memasyarakatkan Universiti melalui perkongsian ilmu dan kepakaran serta pemindahan teknologi dengan melaksanakan projek-projek teknikal berimpak dengan komuniti di sekitar negeri Melaka. Antara lokasi-lokasi yang terlibat adalah Tanjung Bidara, Pantai Kundor, dan Ayer Molek.

6. Berdasarkan kepada lokaliti yang terlibat beberapa projek telah dikenalpasti untuk dijalankan. Antaranya adalah:
- a) Sistem Akuaponiks Pintar dengan IoT – Tanjung Bidara
 - b) UTeM Digital Niaga – Ayer Molek
 - c) Penyelenggaraan Komputer dan Rangkaian Keselamatan Siber dan Inovasi (IoT) – Pantai Kundor
 - d) Dan lain-lain
7. Melalui pelaksanaan program ini, kami percaya ianya dapat membantu komuniti dalam mempraktikkan ilmu yang dipelajari bagi tujuan mensejahterakan dan melestarikan keusahawanan

sosial (*social entrepreneurship*) di kalangan masyarakat setempat terutamanya B40.

Yang Berhormat Dato' serta Hadiran dan Hadirat sekalian,

8. Sebagai salah sebuah Universiti di bawah MTUN, UTeM sememangnya berhasrat untuk menerajui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sejajar dengan agenda negara. Bagi menjayakan agenda ini, pelbagai inisiatif telah dirancang dan akan dijalankan pada tahun ini bagi memastikan pemeriksaan TVET bukan sahaja di UTeM sendiri, bahkan di dalam komuniti dan masyarakat setempat

9. Ini juga adakah selaras dengan Teras Strategik UTeM yang pertama (ST1) iaitu “Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya” dan yang ketiga (ST3) iaitu “Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan”. Dengan mempertingkatkan kerjasama pendidikan TVET setempat dan membangunkan komuniti setempat melalui program inovasi TVET bersama komuniti, UTeM berharap bahawa agenda pemeraksanaan TVET ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini secara tidak langsung akan dapat mendokong aspirasi mensejahterakan Negeri Melaka melalui Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035)

10. Melalui aktiviti-aktiviti bersama komuniti seperti ini, UTeM mengharapkan Nadi TVET akan terus berkembang ke dalam komuniti seterusnya melahirkan perasaan minat terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Secara tidak langsung, program-program seperti ini akan dapat menarik minat masyarakat setempat terutamanya belia untuk melanjutkan pelajaran ke institusi berasaskan TVET khasnya UTeM sebagai pilihan pertama.




Yang Berhormat Dato' serta Hadiran dan Hadirat sekalian,

11. Pada hari ini juga, UTeM turut mengadakan pameran produk penyelidikan berimpak tinggi yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM. Antaranya adalah UTeM-PERKESO 3D Printed Socket, Kesidang CNC 3D Router, Autonomous Retrofit Self-Driving based Voice Recognition Controller for Manual Wheelchair dan lain-lain.
12. Saya berharap bahawa hadirin dan hadirat dapat meluangkan sedikit masa untuk berkunjung ke pameran-pameran ini. Semoga pameran produk penyelidikan ini akan dapat meningkatkan semangat para penyelidik untuk terus kreatif dan inovatif dalam penghasilan produk penyelidikan.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur Majlis Pelancaran Duta TVET UTeM yang diketuai secara bersama oleh Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
14. Akhir sekali, penghargaan tidak terhingga kami kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad Yusof bin Apdal, Timbalan

Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia kerana sudi hadir untuk melancarkan Duta TVET UTeM pada hari ini. Terima kasih Dato’.



**Bunga kesidang bunga raya,
Mekar kembang harum mewangi;
Semarak TVET mencorak kerjaya,
Menjadi nadi memacu ekonomi.**

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullah hi barakatuh.